

Anwar tempelak Tun M tuduh kerajaan lebihkan Cina

Shah Alam: Datuk Seri Anwar Ibrahim menempelak Tun Dr Mahathir Mohamad yang mendakwa kerajaan tidak memperjuangkan hak bangsa Melayu, sebaliknya memberikan lebih banyak kepada orang Cina.

Menegaskan teras Malaysia adalah orang dan budaya Melayu yang bahasanya diangkat sebagai bahasa rasmi, beliau berkata, kerajaan memberi peruntukan lebih banyak kepada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) berbanding kerajaan Perikatan Nasional (PN) sebelum ini.

“Usah cakap banyak, peruntukan untuk Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) lebih banyak diberikan (Kerajaan Perpaduan), tapi mereka tetap kata kerajaan tak Islam,” katanya sambil sekali lagi menegaskan beliau tidak akan memaafkan mereka yang mengambil duit rakyat, tanah dan mencuri balak.

“Saya mahu mereka disiasat sampai habis. Saya tidak mahu janji banyak, cuma kita cuba sedaya upaya buat perubahan ke arah kebaikan,” katanya pada Ceramah Mega Arus Merah Kuning di Subang Bestari, malam kelmarin.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, beliau sanggup memendekkan tempoh penyerahan notis pembentangan usul tidak percaya terhadapnya di Dewan Rakyat daripada dua minggu kepada tiga hari jika pembangkang mahu berbuat demikian.

“PAS, BERSATU, jika ada undi (tidak percaya), bentangkan usul, saya tidak akan halang. Saya bukan seperti Muhyiddin Yassin (Tan Sri), apabila ada yang mahu membentangkan usul tak percaya, dia sebaliknya isytihar darurat.

“Kalau nak cabar, sila buat. Saya akan beritahu Speaker Dewan Rakyat, kalau dua minggu terlalu lama (untuk serahkan notis), buat tiga hari,” katanya sambil memberi jaminan Kerajaan Perpaduan yang disertai 19 parti ketika ini adalah kukuh, stabil dan sukar untuk dijatuhkan.

Perdana Menteri berkata, kestabilan kerajaan kini diperkuat dengan kesepaduan serta kesepakatan dua timbalannya, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof, masing-masing mewakili Barisan Nasional (BN) dan Gabungan Parti Sarawak (GPS).

Katanya, kestabilan itu bertambah utuh dengan sokongan jitu Gabungan Rakyat Sabah (GRS), Parti Warisan serta semua parti dalam gabungan Kerajaan Perpaduan.